

011-1572

PROSIDING

SEMINAR KEBANGSAAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
KALI KE-18

KE ARAH PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PERSEKITARAN YANG
SELAMAT

*'TOWARDS THE PLANNING AND DEVELOPMENT OF A SAFE
ENVIRONMENT'*

APB 84508
NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
9 MAR 2001

M
307.121609575
SEM
f

Anjuran:

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina

Dengan Kerjasama:

Pelajar Tahun 5 Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai, Johor

28-29 Februari 2000

SENARAI ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Isi Kandungan	i
Prakata	iii

ISI KANDUNGAN

1. Kertas Kerja Utama (Ucuptama I): Ke Arah Perancangan Dan Pembangunan Persekitaran Yang Selamat. Oleh: Y. Bhg. Dato' Profesor Hj. Zainuddin bin Muhammad.	1
2. Planning Towards The Safe Living Enviroment Oleh: Encik Ho Khong Ming	18
3. Environmental Considerations In The Development Of A Safe City Oleh: Profesor Dr. Abdul Samad Hadi	31
4. Falsafah Dan Tujuan Kawalan Pembangunan Dalam Mewujudkan Persekitaran Yang Selamat. Oleh: Yg. Bhg. Dr. Halimaton Saadiah binti Hashim.	55
5. Perancangan Bandar Selamat Bagi Golongan Istimewa. Oleh: Profesor Dr. Noor Sharifah binti Sutan Saidi.	64
6. Ke Arah Perancangan Dan Pembangunan Yang Selamat Menurut Perspektif Islam: Satu Pandangan. Oleh: Prof. Madya Dr. Hj. Ibrahim bin Ngah.	75
7. Kertas Kerja Utama (Ucuptama II): Towards The Planning And Development Of A Safe Environment: Current Practice. Oleh: Y. Bhg. Puan Khairiah binti Hj. Mohd. Talha.	88
8. Aplikasi Sistem Sokongan Perancangan (PSS), Contoh: Unjuran Dan Agihan Reruang Penduduk. Oleh: Prof. Madya Amiruddin bin Abu Bakar, et. al.	97
9. Pengenalan Terhadap Pelaksanaan Konsep Bandar Selamat Dalam Kawasan Perumahan Di Malaysia. Oleh: Lam Sew Chee.	108

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

- | | | |
|-----|--|-----|
| 10. | Reka Bentuk Pengangkutan Yang 'Barrier-Free'
Oleh: Oliver Ling Hoon Leh dan Tee Szu Fong. | 128 |
| 11. | Perancangan Kawasan Lapang Yang Selamat Di Kawasan
Perumahan.
Oleh: Nor Kalsum binti Mohd. Isa. | 138 |
| 12. | Pertimbangan Faktor Globalisasi Dalam Perancangan Sebuah
Bandar Selamat.
Oleh: En. Hamzah Jusoh. | 150 |

PRAKATA

Prosiding ini merupakan kumpulan kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar dan Wilayah Kali Ke-18 pada 28hb.-29hb. Februari 2000, di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Seminar ini telah dianjurkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina dengan kerjasama pelajar Tahun 5 Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah. Ia merupakan aktiviti tahunan bagi Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Universiti Teknologi Malaysia.

Seminar yang bertemakan 'Ke Arah Perancangan dan Pembangunan Persekitaran Yang Selamat' ini selaras dengan perkembangan pesat negara menuju ke era negara maju. Kemajuan sesebuah negara tidak harus terletak kepada nilai kebendaan semata-mata, tetapi juga harus menjamin keselamatan penghuninya. Keselamatan yang terjamin akan meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan seterusnya membantu usaha-usaha pembangunan dengan lebih bermutu.

Prosiding ini mengandungi dua perkara utama iaitu perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat secara teori yang didahului dengan ucapnama I serta secara amalan yang didahului oleh ucapnama II. Selain itu, ia juga membincangkan mengenai isu semasa dan masa hadapan untuk direnung oleh profesion yang terlibat dalam pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial negara bagi mencapai tahap keselamatan yang memberangsangkan.

Menurut Y. Bhg. Dato' Prof. Zainuddin Muhammad, perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat dapat diwujudkan melalui pelaksanaan prinsip pembangunan mampan serta memfokuskan kepada manusia (Sustainable people centred development model). Penekanan juga harus diberikan kepada jalinan tiga hubungan, iaitu hubungan manusia dengan Pencipta, manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam. Ketiga-tiga jalinan ini harus diterapkan melalui mekanisme sistem perancangan sedia ada serta piawaian dan konsep-konsep perancangan.

Dalam prosiding ini, En. Ho Khong Ming menyentuh mengenai persekitaran kediaman yang selamat. Menurut beliau, kawasan kediaman yang selamat ialah kediaman yang selamat kepada kehidupan, harta, kesihatan yang terjamin serta selamat dari sudut 'personal' dan sosial. Selain itu,

beliau juga turut menyentuh mengenai ciri-ciri serta langkah-langkah untuk mewujudkan kawasan kediaman yang selamat. Selain daripada kawasan kediaman, alam persekitaran juga perlu dipertimbangkan bagi mewujudkan perancangan dan pembangunan yang selamat. Menurut Prof. Dr. Abdul Samad Hadi, pertimbangan-pertimbangan tersebut termasuklah mengenai struktur tanah dan topografi kawasan. Perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat juga harus tertumpu kepada semua manusia termasuk golongan kurang upaya seperti yang dibentangkan oleh Prof. Dr. Noor Sharifah dan Oliver Ling Hoon Leh. Perancangan selamat untuk golongan tersebut haruslah direalisasikan melalui pelaksanaan konsep persekitaran tanpa halangan, garis panduan perancangan, penyelidikan serta perundangan. Ini selaras dengan kertas kerja yang dihasilkan oleh Dr. Halimatun Saadiah yang menjelaskan beberapa garis panduan am dalam perancangan serta cadangan mengenai penyelidikan yang diperlukan bagi mewujudkan persekitaran yang selamat.

Prosiding ini juga mengandungi beberapa kertas kerja yang menekankan amalan perancangan semasa dalam mewujudkan persekitaran yang selamat, seperti kertas kerja yang dibentangkan oleh Prof. Madya Amiruddin yang memperkenalkan Sistem Sokongan Perancangan (PSS) sebagai salah satu teknik untuk menghasilkan sesuatu keputusan perancangan. Selain itu, ia juga menyentuh mengenai perancangan bandar selamat daripada perspektif Islam serta pertimbangan terhadap faktor-faktor globalisasi. Manakala dua kertas kerja lagi, iaitu oleh Lam Sew Chee dan Nor Kalsum telah menyentuh mengenai perancangan persekitaran yang selamat dengan menggunakan kawasan kajian yang bersesuaian. Melalui kertas kerja tersebut, perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat secara realistik dapat dikenal pasti. Secara keseluruhannya, kandungan prosiding ini dapat menjelaskan mengenai konsep perancangan dan pembangunan persekitaran yang selamat dengan lebih teliti serta dapat dijadikan asas panduan melalui maklumat dan cadangan yang telah diberikan.

Penyunting:

DR. HO CHIN SIONG
DR. HAMID B. SAAD
MOHD. NOOR B. AWANG
NOR KALSUM BT. MOHD. ISA
Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

22 Mei 2000